

# Pameran NYAWA '18 kongsi hasil kajian saintifik penyelidik

**SAILING BY STARLIGHT** yang menjadi taruhan Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu merupakan antara artifak jadi tumpuan utama pada pameran *Nature's Yield and Wonders of Art (NYAWA) '18* yang diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Artifak hasil gabungan idea di antara Wan Nor Liza Mahadi, Mohd Hakimi Awang Su, Nor Hafiza Zakaria dan Nor Azrai Mohd Rawi yang dipamerkan di Galeri Serdang, Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina itu menterjemahkan keindahan alam dari bumi ke langit melalui eksplorasi kejuruteraan, arkitekologi dan pengetahuan astronomi dalam pembinaan sebuah bot yang digunakan oleh nelayan untuk belayar di lautan.

Selain *Sailing by Starlight*, pameran edisi ketujuh ini turut mengangkat hasil penyelidikan dan penemuan saintifik yang diolah dalam bentuk 18 karya seni dan artifak lain daripada 10 buah kumpulan dari UPM dan Universiti Teknologi Mara iaitu *The Spirit of Mah Meri, Talaqqi, Goddess of the Rainbow, Please Have a Sit, Bat Zootic, Ecopsychology: Reflections of Nature and Soul, Salmonella: The Bacteria Next Door, Extinction, Climbing Plants, Wonders of Pollen, Skytider, Head in the Clouds, Earth / Space Protein Crystals, MR Flowers, Urban Spaces: Green of Grey, Digital Metamorphosis, High and Dry* serta *Entropy Harp*.

Menurut Pengarah, Putra Science

Park, Prof. Dr. Samsilah Roslan, tema pameran dan penerbitan NYAWA pada tahun ini terbahagi kepada beberapa kategori iaitu manusia, kepelbagaian biologi, teknologi dan pertanian serta teknologi komputer.

"Pameran NYAWA yang diadakan saban tahun ini adalah selaras dengan matlamat 13, 14, 15, dan 17 *Sustainable Development Goals* yang telah digariskan untuk mencapai matlamat 2030 yang mana kita berperanan untuk mendidik masyarakat tentang kepentingan sains, alam sekitar dan teknologi hijau dalam menjamin kesejahteraan dan kelestarian hidup. NYAWA juga berupaya menjadi *showcase* peringkat awal kepada teknologi dan penyelidikan yang menyumbang kekayaan kepada universiti dan komuniti," jelasnya.

Pameran NYAWA '18 yang berlangsung sejak 1 Disember 2018 hingga 8 Mac 2019 anjuran Bahagian eDU-PARK®, Putra Science Park, UPM telah dirasmikan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UPM, Prof. Dr. Zulkifli Idrus pada 23 Januari lalu dan turut dihadiri Pengarah, Bahagian Pembangunan Pakej Tourism Malaysia, Tuan Syed Yahya Syed Othman.

Selari dengan tujuan utama pameran NYAWA '18: *Earth to Sky* kali ini untuk memupuk minat dan penghayatan sains dalam kalangan masyarakat, Dr. Zulkifli berharap agar pameran ini bukan sahaja



**PARA** tetamu melihat artifak *Sailing by Starlight* hasil idea penyelidik Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu.

dapat berkongsi hasil kajian saintifik penyelidik UPM kepada masyarakat, malah bahan-bahan yang dipamerkan ini juga akan menjadi sumber rujukan kepada semua pihak sama ada saintis mahupun penggiat seni seluruh negara.

"Ini adalah selaras dengan tumpuan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menjayakan pendidikan *STREAM (Science - Technology - Reading - Engineering - Arts - Mathematics)* di semua peringkat," tambahnya lagi.